



SIARAN MEDIA

PRESTASI SEPARUH TAHUN 2024 : KPKT TERUS MELESTARIKAN PERKHIDMATAN CEMERLANG KEPADA RAKYAT

PUTRAJAYA, 2 Ogos 2024 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di bawah pimpinan YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) mencatatkan pencapaian yang memberangsangkan bagi separuh tahun 2024. YB KM bersama-sama Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu; Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib serta seluruh pasukan KPKT berusaha dan memberi sepenuh komitmen dalam menyantuni rakyat berteras lapan (8) bidang fokus utama KPKT.

Lapan (8) bidang fokus utama KPKT adalah mencakupi semua perkhidmatan yang ditawarkan oleh kementerian iaitu :

1. Membangun dan memperkasakan peranan Kerajaan Tempatan;
2. Membangun potensi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi menjana sumber pendapatan tambahan negara;
3. Perancangan perumahan yang lebih komprehensif dan berdaya saing;
4. Pemeriksaan komuniti tanpa mengira kaum;
5. Pengurusan sisa pepejal bersepadu yang lebih efektif dan efisien bagi menghasilkan pelaksanaan ke arah ekonomi kitaran;
6. Memperkukuh agenda bandar mampan dan pintar ke arah perbandaran baharu;
7. Memperkukuh kesiapsiagaan kebombaaran dan penyelamatan; dan
8. Mensasarkan pembinaan 100 Taman Rekreasi Awam MADANI di seluruh negara.

Pencapaian separuh tahun KPKT adalah merangkumi lima (5) perkara iaitu **Inisiatif Belanjawan 2024, Kerangka Strategik Malaysia MADANI (KSMM), Taskforce Projek Perumahan Swasta Sakit dan Terbengkalai (TFST), Program Sentuhan Kasih KPKT dan Perancangan Penggubalan / Pindaan Akta.**

Berdasarkan pencapaian **Inisiatif Belanjawan 2024** (sehingga 21 Jun 2024), KPKT **berjaya mencapai 85% ke atas 10 inisiatif** dari 12 inisiatif yang tersenarai. 10 inisiatif tersebut adalah seperti berikut :

1. Menaik taraf tandas awam PBT bertaraf Bersih, Menawan dan Wangi (BMW) **(RM150 juta) – Pencapaian 88.2%**;
2. Program penukaran lampu jalan jenis *High Pressure Sodium Vapour* (HPSV) kepada Jenis LED di Kawasan PBT **(RM50 juta) - Pencapaian 123%**;
3. Menaik taraf pasar awam uzur di kawasan PBT **(RM50 juta) – Pencapaian 89%**;
4. Projek pembangunan Kampung Baru Cina **(RM100 juta) – Pencapaian 93%**;
5. Penyelenggaraan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) **(RM50 juta) – Pencapaian 97%**;
6. Menaik taraf dan membaik pulih sistem perparitan dan longkang di kawasan PBT **(RM20 juta) - Pencapaian 183%**;
7. Penyelenggaraan kolam takungan banjir di bawah PBT **(RM50 juta) - Pencapaian 182%**;
8. Program Gerai MADANI di Kawasan PBT **(RM60 juta) - Pencapaian 172%**;
9. Gerai Penjaja MyKiosk@KPKT **(RM100 juta) – Pencapaian 99.5%**; dan
10. Penyelenggaraan atau penggantian lif MADANI 2.0 **(RM146.6 juta) - Pencapaian 100%**.

Pencapaian ini merupakan jalinan kerjasama dan komitmen yang tinggi semua jabatan dan agensi di bawah KPKT dalam mencapai sasaran yang ditetapkan.

Dalam masa yang sama, KPKT tidak terkecuali dalam mendukung gagasan Malaysia MADANI melalui **Kerangka Strategik Malaysia MADANI (KSMM)**. Kerangka ini merupakan petunjuk prestasi utama (KPI) bagi YB KM iaitu merangkumi enam (6) inisiatif :

1. Penyediaan sekurang-kurangnya 80% (9,377 unit) daripada 11,722 unit Rumah Mampu Milik (RMM) - 4,654 (49.63%);
2. Penghasilan *Blueprint* Ekonomi Kitaran Dalam Pengurusan Sisa Pepejal yang akan dilancarkan pada 6 Ogos 2024;
3. Penyelenggaraan sekurang-kurangnya 200 projek Program Penyelenggaraan Perumahan Berstrata - 13 (6.5%) projek siap dan 164 (82%) projek dalam pelaksanaan;
4. Pelaksanaan penambahbaikan penyampaian perkhidmatan OSC3.0 Plus di 30 PBT - 48 PBT (160%);
5. Pelaksanaan Penarafan Bandar Pintar Malaysia melalui Pengiktirafan *Smart City Early Adopter* pada Tahun 2024 yang melibatkan 15 PBT: *Voluntary basis* dan pencapaian adalah tertakluk kepada permohonan PBT dan status terkini adalah sebanyak 51 PBT; dan
6. Pelaksanaan Operasi Pembasmian Berterusan: 1,141 tapak pelupusan sampah haram telah ditutup.

Sehingga 30 Jun 2024, YB KM dengan kerjasama seluruh pasukan KPKT berjaya mencapai sasaran KSMM dan akan terus menggandakan usaha demi kesejahteraan rakyat.

Menerusi **TFST**, KPKT telah berjaya memulihkan **247 projek sakit** dan **5 projek terbengkalai** dengan nilai pembangunan kasar (GDV) sejumlah RM19.13 bilion. Manakala **704 projek sakit dan terbengkalai** dengan GDV sejumlah RM58.94 bilion turut berjaya dipulihkan. Pencapaian ini merupakan usaha dan kerjasama KPKT menerusi Jabatan Perumahan Negara (JPN) dengan pihak berkepentingan untuk menangani masalah projek perumahan swasta sakit dan terbengkalai di seluruh negara.

Antara pencapaian terbesar KPKT adalah **Program Sentuhan Kasih** iaitu program yang menyantuni rakyat dengan menggunakan pendekatan turun padang. Sejak diperkenalkan pada tahun 2023, sejumlah **27 program** telah dilaksanakan dengan jumlah **peruntukan RM1.467 bilion (RM1,467,792,251.83)**. Peruntukan ini adalah meliputi kos projek pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur awam yang dilaksanakan oleh agensi/jabatan di bawah KPKT di seluruh negara.

Dari segi perancangan penggubalan dan pindaan akta KPKT, pihak kementerian bercadang untuk menggubal dua (2) Rang Undang-Undang (RUU) iaitu RUU Pembaharuan Semula Bandar dan RUU Sewaan Kediaman. KPKT juga bercadang pindaan kepada RUU termasuk RUU Pemajuan Perumahan, RUU Perkhidmatan Bomba, RUU Kerajaan Tempatan serta RUU Perancang Bandar dan Desa.

Pencapaian dan usaha KPKT ini adalah sebagai langkah memperkasakan lagi fungsi dan peranan KPKT dalam melestarikan perkhidmatan cemerlang kepada rakyat.

#MalaysiaMADANI

#StrongerTogether

#DemiPertawi

#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my